

馬來西亞
斗母官九皇大帝總會
Peraturan dan Undang-undang
GABUNGAN DOU MU GONG
(JIU WANG DA DI) MALAYSIA

章 程



一九九八年一月十三日註冊

Didaftarkan pada 13-1-1998

註冊地址

d/a Lot 896 & 894, MK. 14, Jalan Raja Uda,
12300 Butterworth, Seberang Perai, Pulau Pinang.

固定行政辦事處通訊地址

No.18, Jalan Limbungan,
Off Jalan Chain Ferry,
12100 Butterworth, Penang.
Tel. & Fax No.04-3231620

馬來西亞斗母宮九皇大帝總會

章 程

第一條：名稱，註冊地址及會議地點

- (1) 本組織定名爲：“馬來西亞斗母宮九皇大帝總會”，以下簡稱“本總會”。
- (2) 本總會註冊地址：檳城，北海，夜蘭烏達，巫金十四，洛八九六及八九四或其他由理事會所認可的地方。唯必須得到社團註冊官之批准。

第二條：宗旨

- (1) 本總會集合并代表全馬任何供奉九皇大帝之團體(廟宇)以便提升善信的宗教意識及道德價值。
- (2) 本總會擬定有系統及有意義的供奉九皇大帝方式。
- (3) 增進善信之間的交流，促進人民的團結及塑造愛心社會。
- (4) 進行社會福利工作推動教育及文化事業等。

第三條：會員籍

- (1) 任何供奉九皇大帝註冊團體(廟宇)，都可成爲本總會會員，會員，會員只有一種：即普通會

員。

- (2) 入會申請書須由會員提議，并呈交給本總會總秘書，俾轉呈最近一次之理事會會議批准，理事會有權拒絕任何申請而不必列明理由。
- (3) 任何申請，若是被接受，申請之團體須繳一百令吉年捐，方可成為本總會之會員。

第四條：入會費，基金及其他

- (1) 入會費及基金列下：會員年捐每年一百令吉。
- (2) 如會員大會通過鳩收特別捐作為某種用途，所有會員必須繳交。
- (3) 年捐必須於每年正月十四日前寄／交予總財政處。
- (4) 凡欠年捐一年以上者，總秘書發函予該會會員。欠年捐將喪失一切會員權益。
- (5) 總會理事有權力開除欠年捐之會員。
- (6) 任何自動停止成為會員者，其已交納之年捐將不被退還。

第五條：退會及開除會員籍

- (1) 任何會員欲退出本總會，須於

兩個月前以書面通知本總會總秘書，并須繳清一切欠款。

(2) 任何會員如有觸犯本總會之章程或破壞本總會聲譽者，理事會有權終止或暫停其會籍，有關者可向理事會上訴陳述其不應被終止會籍之理由。除非會員大會議決其他之決定。

第六條：會員大會

- (1) 會員大會為最高權力機構，會員大會之法定人數為會員總數之半數或理事會成員之兩倍。
- (2) 若超過已規定之會議時間半小時，而出席之會員尚未達到法定人數，則會議須展期，在三十天內召開。若展期後之會議亦未達到法定人數出席者，可進行召開會議，唯不得修改章程，亦不得通過任何影響全體會員之議決案。
- (3) 每一個會員將派出四名代表(包括一名首席代表)出席本總會之代表大會，每一個會員皆有權參選及投票。
- (4) 會員大會須於財政年結束後盡快召開，且不能超過每年之六月卅日，時間及地點將由理事

會決定。

會員大會之議程為：

- (A) 接納理事會有關本總會一年之活動報告。
- (B) 接納總財政報告及被稽查過之去年賬目。
- (C) 每二年選舉一次理事會理事，並委任查賬員。
- (D) 決定來屆常年代表大會舉辦者及日期。
- (E) 討論其他議案。

(5) 總秘書須于召開會員大會之廿一天前發出會議通知書及去年賬目。會議通知書須展示於本總會註冊地址。

(6) 本總會特別大會：

- A. 當理事會會議決定，或
- B. 不少過五分之一的會員聯函要求召開特別大會之目的及理由。

(7) 凡會員聯函召開之特別之大會，須于收到來函後三十天內舉行。

(8) 特別大會之通知書信須于大會前十四天由總秘書發出。

(9) 特別大會是根據章程第六條(1)(2)項召開，若該特別大會

在技術上被取消，在六個月內不可以同樣之議程召開特別大會。

第七條：理事會

- (1) 一個理事會須于會員大會中選出。理事會成員為：
 - (A)總會長一名
 - (B)署理總會長一名
 - (C)副總會長三名
 - (D)總秘書一名
 - (E)副總秘書一名
 - (F)總財政一名
 - (G)副總財政一名
 - (H)理事十八名(選出)
- (2) 所有理事須為馬來西亞公民并屆二十一歲以上。
- (3) 所有理事會成員須由會員大會選出，任期二年。
- (4) 理事會之任務為組織與執行本總會之日常事務與活動，執行常年大會之議決案，并向會員大會報告全年會務。
- (5) 理事會至少六個月舉行會議一次，會議通知書須于十四天前發出。總會長本身或連同不少過八位理事可以在任何時間召開理事會議。至少三分之一的

理事須出席理事會議，方可達到理事會議之法定人數。

(6) 若有重要的事項須理事會批准，而理事會議又不能召開，總秘書可以以書面尋求理事會通過，唯下列條件須加以遵守。

- A. 書面須列明所需要通過之事項。
- B. 至少一半以上之理事會理事須作出贊成或反對。
- C. 通過之議決案，須在下一次理事會會議中提出，并記錄在案。

(7) 任何理事一連三次缺席理事會會議，而無提出令人滿意的理由者，當自動辭職論。

(8) 凡理事不幸逝世或中途辭職，則在上次選舉中獲票最高落選者，將受邀填補該空缺，若無人選或該人選不願填補該空缺，理事會有權推薦一名會員代表填補該空缺，其任期至下屆選舉大會為止。

(9) 理事會可受權予總秘書，理事或受聘人士去執行本總會之會務。

(10) 若有需要時，理事會可委任小

組委員會處理其他事物，此委員須向理事會負責。

第八條：職權

- (1) 總會長為本總會所有會議之當然主席。當雙方表決相等時，總會長擁有最後決定權，總會長須簽署一切文件及與總秘書或總財政聯名簽署本總會之支票。
- (2) 當總會長缺席時，署理總會長須代其職務。
- (3) 遇總會長及署理總會長缺席時，副總會長將代為執行其職務。
- (4) 總秘書負責召開所有會議，并為會議之當然記錄與總會長或總財政聯合簽署本總會支票，負責處理保存一切書信、文件、記錄部及會員登記部。總秘書須於會員大會後六十天內，根據一九九六年社團法令第十四(1)條文向註冊官呈報大會報告。
- (5) 副總秘書協助總秘書執行其任務，并于總秘書缺席時代其職務。
- (6) 總財政負責處理本總會財政事

- (6) 總財政負責處理本總會財政事務，保存本總會賬部與總會長或總秘書簽署本總會支票。
- (7) 副總財政協助總財政執行其任務，并于總財政缺席時代其職務。
- (8) 十八位理事，負責協理會務及有權被委為理事會小組之成員。

第九條：財務

- (1) 本總會之收入可用以有利本總會之事務，但不能替會員支付法庭之罰款。
- (2) 本總會總財政有權保存兩千令吉現金，若超出此數，須存入本總會銀行戶口。
- (3) 全部支票須由總會長、總秘書及總財政(其中二人)簽署。
- (4) 開銷超過壹萬令吉者，須由理事會批准，任何時候開銷超過十萬令吉者，須由會員大會批准，壹萬令吉以下之開銷，可由總會長、總秘書及總財政批准。
- (5) 本總會之賬目須交查賬員稽查。經稽查後，須交會員大會接納，其副本須在開會前寄交

每位會員或公布在本總會之註冊地址。

- (6) 本總會之財政年為每年之一月一日至十二月卅一日。

第十條：查賬

- (1) 會員大會選出一位非理事會員及一位專業非理事為查賬，任期二年，其職位可連任
(2) 查賬負責稽查本總會賬目。

第十一條：信理員

第十一條：按社團法令第9(B)條文委任產業執行員(1)(2)(3)(4)

- (1) 每屆會員選舉大會中選出之總會長，總秘書及總財政，并年屆廿一歲以上者，根據一九六六年社團法令第9(B)條文所須，委任為本總會的產業執行員，其任期至下屆選舉大會為止，并可連任之。
(2) 本條文下所委任的執行員須依據會員大會之議決，負責掌管及處理本總會之不動產業；但所有產業必須以本總會名義註冊。
(3) 在未獲得會員大會之議決及授權之前，執行員不得售賣，收

回或轉讓本總會之任何產業。

- (4) 如執行員因病重而健康不佳，神經有問題，離開本國或因其他原因不能有效執行其任務時，會員大會有權終止其職務。如遇執行員于每年會員大會召開前不幸逝世，辭職或終止職務，則其空缺將由有關事項與目的的所召開的會員特別大會中另選填補。

第十二條：詮釋

- (1) 如遇到章程上未提起之事項，如有需要會員大會，理事會可以對章程內涵作出詮釋。
- (2) 會員大會，理事會作出詮釋之決定必須不抵觸本總會宗旨或損害其他會員之利益。

第十三條：顧問及名譽主席

本總會理事會有權推選本總會顧問及名譽主席。

第十四條：禁例

- (1) 本總會範圍內嚴禁聚賭。
- (2) 本總會或會員均不得蓄意干擾商業活動，商業物價或參與一九五九年職工會法令下所規定之職工運動。


- (3) 不得以本總會理事會或會員名義售發彩票，不論此彩票是否只限售賣給會員。
- (4) 本總會會員不可觸犯一九六六年社團法令第二章而取得利益。

第十五條：修改章程

本章程如未經會員大會通過不得修改，所修改之章程須在六十天內呈交團註冊官批准，方為有效。

第十六條：解散

- (1) 欲解散本總會，須有五分之三的會員贊成通過方為有效。
- (2) 本總會如經解散，一切本總會有關之債務與資產，必須賞還及處理妥當，盈餘資金須依會員大會議決案處理。
- (3) 解散後十四天內呈報社團註冊官。



MALAYSIA

AKTA PERTUBUHAN 1966

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

BORANG 3
(Peraturan 5)

PERAKUAN PENDAFTARAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa.....
GABUNGAN DOU MU GONG (JIU WANG DA DI) MALAYSIA;

.....
**Lot 896 & 894, Mk. 14 Jalan Raja Uda,
12300 Butterworth, Seberang Perai.**

telah pada hari ini didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di bawah seksyen 7

Akta Pertubuhan 1966 dan bahawa nombor pendaftarannya ialah.....

68

Diperbuat dengan ditandatangani oleh saya pada 13 haribulan

Januari 1998.


(MOHD YUDDIN BIN CHE' JAN)
Pendaftar Pertubuhan
Malaysia

**UNDANG-UNDANG
GABUNGAN DOU MU GONG (JIU WANG DA DI)
MALAYSIA**

UNDANG-UNDANG 1

Nama dan Alamat Berdaftar

1. Pertubuhan ini dikenali dengan nama Gabungan Dou Mu Gong (Jiu Wang Da Di) Malaysia. Selepas ini disebut "Pertubuhan."
2. Alamat berdaftar ialah di Lot 896 & 894, MK. 14 Jalan Raja Uda, Butterworth, Seberang Perai atau di lain tempat atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Jawatankuasa dan alamat untuk surat-menyurat ialah di Lot 896 & 894, MK. 14 Jalan Raja Uda, 12300 Butterworth, Seberang Perai. Alamat berdaftar dan alamat surat-menyurat pertubuhan tidak boleh diubah dengan tidak dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

UNDANG-UNDANG 2

Tujuan-tujuan dan Maksud-maksud

Tujuan-tujuan dan maksud-maksud adalah untuk:-

1. Menggabungkan dan mewakili rumah berhala, persatuan penganut atau pertubuhan penganut yang memuja dewa Jiu Wang Da Di di Malaysia di dalam usaha meningkatkan kesedaran agama dan nilai murni di kalangan penganut.
2. Mengadakan satu program perayaan pemujaan Dewa Jiu Wang Da Di secara sistematik dan bermakna.
3. Menjalin hubungan di kalangan penganut, memupuk perpaduan rakyat dan membentuk masyarakat penyayang.
4. Melaksanakan kerja kebajikan masyarakat, pendidikan dan kebudayaan.

UNDANG-UNDANG 3

Keahlian

1. Keahlian Pertubuhan ini terbuka kepada rumah berhala, persatuan penganut atau pertubuhan penganut orang Cina berdaftar yang memuja dewa Jiu Wang Da Di di Malaysia. Gabungan ini hanya ada ahli gabungan sahaja.
Sebuah rumah berhala, persatuan penganut atau pertubuhan penganut tersebut yang ingin menjadi ahli gabungan ini

dikehendaki membayar RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus sahaja) sebagai yuran tahunan.

2. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong serta dibuat dalam borang permohonan yang ditandatangani oleh 2 orang pemegang jawatan utama daripada rumah berhala, persatuan penganut atau pertubuhan penganut masing-masing yang membuat permohonan. Permohonan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha yang hendaklah mengemukakan permohonan itu secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebabnya.
3. Tiap-tiap pemohon yang permohonannya diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah membayar yuran ahli yang ditentukan dan diterima menjadi ahli Pertubuhan dan berhaklah ia sebagai ahli.

UNDANG-UNDANG 4

Yuran dan Bayaran Lain

1. Yuran yang perlu dibayar adalah seperti berikut:
Yuran tahunan Ahli Gabungan RM 100.00 (Ringgit Malaysia seratus sahaja).
2. Yuran-yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dijalankan dengan persetujuan Mesyuarat Agung ahli-ahli.
3. Yuran-yuran tahunan hendaklah dibayar kepada Bendahari Pertubuhan dalam masa 14 hari pertama bulan Januari setiap tahun.
4. Ahli yang membiarkan hutang yurannya melebihi 1 tahun akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha dan hilangkan hak-hak keistimewaananya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dibayar.
5. Jawatankuasa mempunyai kuasa melucutkan keahlian sesuatu ahli gabungan disebabkan hutangnya.
6. Jika sesuatu ahli gabungan berhenti daripada menjadi ahli, maka yuran yang telah dijelaskan bagi tahun tersebut tidak akan dikembalikan.

UNDANG-UNDANG 5

Pemberhentian dan Pemecatan

1. Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan hendaklah memberi kenyataan yang bertulis dua bulan terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya.
2. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Pertubuhan atau bertindak dalam cara yang akan mencemar nama baik Pertubuhan bolehlah dipecat atau digantungkan keahliannya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau mengantungkan ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau pergantungan secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang menerangkan dan membela dirinya. Pemecatan atau pergantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatal keputusan itu, atas rayuan oleh ahli tersebut.

UNDANG-UNDANG 6

Mesyuarat Agung

1. Pengelolaan pertubuhan ini terserah kepada Mesyuarat Agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah wakil ahli gabungan yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli-ahli jawatankuasa, ikut mana yang kurang hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi bilangan (korum) untuk mesyuarat.
 2. Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli.
 3. Setiap ahli akan menghantar 4 perwakilan ke Mesyuarat Agung (termasuk seorang ketua perwakilan). Setiap ahli itu berhak mengundi dan bertanding dalam pemilihan Jawatankuasa.
- 4 Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan

dengan secepat mungkin setelah akhir tahun kewangan dan tidak lewat daripada 30 hari bulan Jun pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

- A)Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja Pertubuhan pada tahun yang
- B)Menerima laporan Bendahari dan penlalu;yata kira-kira yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
- C)Melantik ahli-ahli Jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira setiap tahun dua (2) tahun sekali;
- D)Menetapkan tarikh dan pengelola Meyuarat Agung Tahunan tahun berikutnya;
- E)Menguruskan perkara lain yang akan dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

5. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 21 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, suatu pengumuman yang menerangkan tarikh, waktu dan tempat serta satu agenda (acara mesyuarat) termasuk salinan-salinan peringatan mesyuarat dan laporan-laporan berserta penyata kira-kira Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat berdaftar Pertubuhan.
6. Mesyuarat Agung Khas bagi Pertubuhan ini boleh diadakan:
 - A)Apabila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau
 - B)Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis tidak kurang daripada 1/5 daripada jumlah ahli gabungan yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab mengadakannya.
7. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada suatu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
8. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
9. Perenggan (1) dan (2) di dalam Undang-undang 6 berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-

ahli maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan daripada tarikh ini Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

UNDANG-UNDANG 7

Jawatankuasa

1. Satu Jawatankuasa dinamakan pegawai-pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih dua (2) Tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan:
 - A)Seorang Presiden
 - B)Seorang Timbalan Presiden
 - C)Tiga orang Naib Presiden
 - D)Seorang Setiausaha
 - E)Seorang Penolong Setiausaha
 - F)Seorang Bendahari
 - G)Seorang Penolong Bendahari
 - H)Lapan belas (18) orang ahli jawatankuasa biasa
2. Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas-tugas pemerintah dalam Pertubuhan ini hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur lebih daripada 21 tahun.
3. Nama-nama untuk jawatan-jawatan yang di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dua tahun sekali dengan cara mengundi oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan untuk memegang jawatan selama dua (2) tahun. Semua pegawai boleh dipilih semula selepas tempoh tersebut.
4. Tugas Jawatankuasa ialah mengelola dan menjalankan kerja-kerja dalam Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara tentang perjalanan Pertubuhan dengan tidak terkeluar daripada dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa seharusnya tidak boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa hendaklah memberi laporannya berkenaan kegiatan-kegiatannya pada tahun lalu pada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.
5. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam 6 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli 14 hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian, atau tidak kurang daripada 8 orang

ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

6. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakan kelulusan Jawatankuasa dan Mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah mendapatkan kelulusan daripada ahli-ahli Jawatankuasa dengan surat pekeliling. Syarat-syarat yang berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:
 - A)Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam Surat Pekeliling yang dihantar kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;
 - B)Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu; dan
 - C)Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya untuk disahkan dan dicatitkan di dalam peringatan mesyuarat.
7. Ahli Jawatankuasa yang mungkin menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.
8. Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli Pertubuhan yang lain untuk memenuhi kekosongan ini sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
9. Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan-urusan Pertubuhan dan melantik Pengurus-pengurus dan kakitangan-kakitangan yang difikirkannya perlu. Ia boleh menggantungkan atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar

menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan menjaskan Pertubuhan.

10. Jawatankuasa ini boleh menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan-kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

UNDANG-UNDANG 8

Kewajipan-kewajipan Pegawai

1. Presiden, dalam masa jawatannya hendaklah menjadi pengurus semua Mesyuarat Agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat, beliau mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan-peringatan mesyuarat apabila telah diluluskan. Beliau hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha atau Bendahari.
2. Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.
3. Naib Presiden akan memangku jawatan Presiden dan Timbalan Presiden semasa ketidaaan kedua-duanya.
4. Setiausaha hendaklah menjalankan kerja-kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah-perintah Mesyuarat-mesyuarat Agung dan Jawatankuasa. Beliau bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat-menjurat dan menyimpan semua buku-buku, surat-surat dan kertas-kertas kecuali buku kira-kira dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama, umur, tarikh lahir dan alamat tiap-tiap ahli Jawatankuasa dan pemegang Jawatan. Beliau hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan-catatan mesyuarat. Beliau bolehlah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Presiden atau Bendahari Setiausaha hendaklah di dalam 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirim Penyata Tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan 1966.
5. Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

6. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Beliau hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Beliau boleh menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Presiden atau Setiausaha.
7. Penolong Bendahari hendaklah menolong Bendahari menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari.
8. Lapan belas (18) orang Ahli Jawatankuasa Biasa dilantik ahli sesuatu Jawatankuasa Kecil bagi bahagian yang diadakan dalam Pertubuhan ini. Mereka juga bertanggungjawab menolong Jawatankuasa atas kesempurnaan perjalanan semua perkara dalam Pertubuhan ini.

UNDANG-UNDANG 9

Kewangan

1. Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi undang-undang ini, wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, bayaran dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji dan upah memeriksa kira-kira, tetapi walau bagaimanapun tidak boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di Mahkamah.
2. Bendahari dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM 2,000.00 pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang disetujui oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.
3. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh salah dua orang daripada Presiden atau Setiausaha atau Bendahari.
4. Perbelanjaan yang lebih daripada RM 10,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM 100,000.00 bagi sebulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan kurang daripada RM 10,000.00 bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan

oleh Presiden bersama dengan Setiausaha dan Bendahari.

5. Penyata dari hal wang yang diterima dan dibelanjakan bersama timbangannya kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira mengikut Undang-undang 10 dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya dan salinan-salinannya hendaklah dibekalkan untuk maklumat ahli di alamat berdaftar atau di tempat mesyuarat bagi Pertubuhan.
6. Tahun kewangan Pertubuhan ini bermula dari 1 JANUARI dan berakhir 31 DISEMBER tiap-tiap tahun.

UNDANG-UNDANG 10

Pemeriksa Kira-kira

1. Seorang ahli Pertubuhan dan seorang profesional yang kedua-duanya bukan pegawai-pegawai Pertubuhan boleh dipilih dua tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan dua (2) tahun dan boleh dilantik semula.
2. Pemeriksa Kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi setiap tahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung. Mereka harus juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Presiden memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi mana-mana masa di dalam tempoh jawatan-jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

UNDANG-UNDANG 11

Perlantikan Pegawai-pegawai Dibawah Seksyen 9 (b) Akta Pertubuhan

1. Presiden, Setiausaha dan Bendahari yang berusia lebih daripada 21 tahun, yang dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dilantik sebagai Pegawai-pegawai sebagaimana yang dikehendaki dibawah Seksyen 9 (b) Akta Pertubuhan 1966
Mereka hendaklah memegang jawatan mereka sehingga tempoh bagi mereka memegang jawatan selama tahun berakhir di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan mereka layak dipilih semula.
2. Pegawai-pegawai yang dilantik dibawah undang-undang ini hendaklah mengurus harta tetap Pertubuhan ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Mesyuarat Agung Tahunan, tetapi semua harta

3. Mereka tidak boleh menjual, menarik balik atau menukar milik harta kepunyaan Pertubuhan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung ahli-ahli.
4. Seorang Pegawai yang diperakukan boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh kerana uzur kerana sakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain-lain sebab yang menyebabkan dia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, letakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang Pegawai yang diperakukan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan, maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Mesyuarat Agung Khas yang diadakan untuk tujuan tersebut.

UNDANG-UNDANG 12

Tafsiran Undang-undang

1. Di antara Mesyuarat-mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan jika perlu memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.
2. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

UNDANG-UNDANG 13

Penasihat / Presiden Kehormat

Jawatankuasa Pertubuhan boleh jika difikirkan perlu melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat / Presiden Kehormat bagi Pertubuhan ini. Mereka akan berkhidmat selainya yang dikehendaki oleh Pertubuhan.

UNDANG-UNDANG 14

Larangan

1. Segala Perjudian dan kegiatan yang salah dari segi undang-undang negara tidak boleh diadakan di dalam premis Pertubuhan. Permainan yang disebutkan di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam Pertubuhan: Roulette, Lotto, Fan Tan Poh, Peh Bin, Belangkai, Pai Kau, Tau Ngau, Tien Kow Chao Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puluh Satu, Tiga Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah. Semua permainan dadu, banker's game dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.

2. Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang diterangkan di dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.
3. Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.
4. Faedah-faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 tidaklah boleh diberi oleh Pertubuhan kepada mana-mana Ahli Pertubuhan.

UNDANG-UNDANG 15

Pindaan Undang-undang

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan hendak membuat perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai dari tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar pertubuhan.

UNDANG-UNDANG 16

Pembubaran

1. Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli-ahli yang berhak mengundi dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.
2. Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung.
3. Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.